

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

**HBT 100 – PENGENALAN TEORI DAN PRAKTIK  
TERJEMAHAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Jawab SEMUA soalan Bahagian A dan mana-mana DUA soalan Bahagian B.

Bahagian A

Jawab SEMUA soalan.

1. Jawab [a], [b] dan [c].

- [a] Bincangkan persamaan antara prinsip terjemahan yang diutarakan oleh Dolet (1540[1997]) dengan prinsip terjemahan yang diutarakan oleh Tytler (1797).

[8 markah]

- [b] Bincangkan peranan Pejabat Karang Mengarang dalam perkembangan aktiviti terjemahan di Tanah Melayu pada abad ke-20.

[8 markah]

- [c] Huraikan konsep *free translation* dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.

[9 markah]

2. Jawab [a], [b] dan [c].

- [a] Bincangkan kaedah-kaedah terjemahan yang dikemukakan oleh Vinay dan Darbelnet (1958[1995]) dalam Teori Perbandingan Stilistik.

[10 markah]

- [b] Terjemahkan [i] hingga [v] kepada bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris menggunakan mana-mana kaedah yang anda bincangkan dalam [a].

[i] *For the first half of the century cowboys were the kings of the wild western in their regalia of stetsons and chaparreras, galloping down the Santa Fe trail as eternally as the tumbleweed or dying with their boots on.*

[ii] *End of Motorway.*

[iii] Serampang dua mata.

[iv] *Cultural shock is the disorientation that comes from being plunged into an unfamiliar setting.*

[v] *Happy Thanksgiving!*

[10 markah]

...3/-

- [c] Jelaskan kaedah yang anda pilih untuk menterjemah setiap ayat di atas dan masalah yang anda hadapi semasa menterjemahkannya.

[5 markah]

## Bahagian B

Jawab DUA soalan sahaja.

3. Jawab [a] dan [b].

- [a] Bincangkan konsep tipologi teks yang dikemukakan oleh Reiss (1984) dalam Venuti (2000: 160-171), dan kepentingannya dalam pendekatan fungsian.

[15 markah]

- [b] Huraikan, dengan contoh-contoh yang sesuai, perbezaan antara terjemahan dokumentari dan terjemahan instrumental.

[10 markah]

4. Jawab [a], [b] dan [c].

- [a] Huraikan, dengan contoh-contoh, jenis-jenis persamaan berikut:

[i] perkataan

[ii] formal

[iii] sejadi

[9 markah]

- [b] Terjemahkan **TEKS A** ke dalam bahasa Malaysia.

### **TEKS A**

*"Mine is a long and sad tale!" said the Mouse, turning to Alice and sighing.*

*"It is a long tail, certainly," said Alice, looking with wonder at the Mouse's tail, "but why do you call it sad?"*

Dipetik daripada: Fromkin, V., R. Rodman dan N. Hyams, 2007. **An Introduction to Language**, Boston: Thomson & Wadsworth. Edisi Ke-8, muka surat: 192.

[10 markah]

...4/-

- [c] Bincangkan perkara-perkara yang anda perlu beri perhatian dalam menterjemah teks di atas.  
[6 markah]

5. Jawab [a] dan [b].

- [a] Anda diminta menterjemah teks yang mengandungi unsur-unsur tabu dan bahasa kesat. Bincangkan dari sudut tanggungjawab seorang penterjemah yang berwibawa, dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, TIGA tindakan yang boleh diambil untuk menghasilkan satu teks terjemahan.  
[15 markah]

- [b] Jawab [i] dan [ii].

**Petikan I – Petikan III** di bawah merupakan terjemahan sebenar (*authentic translations*).

**Petikan I**

*The flattening of underwear with pleasure is the job of the chambermaid.*  
(Maklumat di sebuah hotel di Yugoslavia)

**Petikan II**

*Drop your trousers here for best results.*  
(Notis di sebuah kedai dobi di Bangkok)

**Petikan III**

*Stop-Drive sideways.*  
(Papan tanda untuk lencongan jalan di Kyushi, Jepun)

Sumber:

<http://www.kwintessential.co.uk/cultural-services/articles/Results%20of%20Poor%20Cross%20Cultural%20Awareness.html>  
(23 Ogos 2007)

- [i] Bincangkan penilaian anda terhadap terjemahan-terjemahan tersebut.  
[6 markah]

- [ii] Berikan terjemahan bahasa Inggeris yang lebih sejadi untuk mana-mana SATU petikan di atas.

[4 markah]  
...5/-

6. Jawab [a] dan [b].

- [a] Saddam Hussein, dalam tahun 2003, telah menulis sepucuk surat kepada rakyat Iraq. Surat itu dimulakan dengan satu petikan ayat daripada al-Quran. Surat itu telah disiarkan oleh badan penyiaran dan terjemahan-terjemahan bahasa Inggeris yang digunakan adalah seperti di bawah.

**TEKS B**

Terjemahan Al-Quran 33:15

**Terjemahan 1:**

*'They had sworn to God previously that they would not turn their backs, and an oath to God must be answered for.'*

Dihasilkan oleh Free Arab Voice

**Terjemahan 2:**

*'They had made a covenant with God that they would not turn back in flight, and a covenant with God must be answered for.'*

Dihasilkan oleh The Guardian (Suratkhbar United Kingdom)

Sumber: Hatim, B. dan J. Munday, 2004. **Translation An advance resource book**, London: Routledge, muka surat: 87.

Pilih salah satu teks terjemahan di atas untuk digunakan dalam satu ucapan yang berunsur politik. Bincangkan pilihan anda dengan mengambil kira:

[i] laras bahasa

[ii] bidang

[iii] wacana

[15 markah]

- 6 -

- [b] Terjemahkan **TEKS D** kepada bahasa Malaysia dan nyatakan sebab anda menterjemahnya sedemikian.

**TEKS D**

*Cordially invite*

.....  
to the

**10 Years of IPPTN Ceremony & Dinner**

Saturday, 1 September 2007-08-23  
8.15 pm  
Kuang Ballroom  
Equatorial Hotel, Pulau Pinang.

*Dress Code: Batik/Formal Attire*

RSVP: BEFORE 22 August 2007  
Contact Person: Shikin  
Tel: 04 – 659 0534 / 04 – 653 3888 ext: 4090  
Fax: 04 – 659 0532  
E-mail: [ipptn@yahoo.com](mailto:ipptn@yahoo.com)

[10 markah]

- oooOooo -